

**SOKONGAN SOSIO-FIZIKAL DAN PENYERTAAN SOSIAL  
TERHADAP KESEJAHTERAAN HIDUP  
KOMUNITI BANDAR**

**JUHARI BIN AHMAD**



**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2018**

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 Ogos 2018



JUHARI BIN AHMAD

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan pemikiran untuk menyiapkan kajian ini mengikut standard yang telah ditetapkan. Dalam usaha menyempurnakan kajian ini, saya mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Oleh itu, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat.

Secara khususnya, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya Professor Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad, Fakulti Pendidikan dan penyelia bersama saya Prof. Madya Dr. Jalaluddin Abdul Malek, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Dr. Norshariani Abd Rahman, Institut Islam Hadhari yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang tidak jemu dalam proses menyiapkan kajian tesis di peringkat Ph.D. Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Sulaiman Abd. Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selangor yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan dalam saya menyiapkan kajian ini. Selain daripada itu juga, turut diucapkan terima kasih kepada Professor Dato' Dr. Norazah Mohd Nordin, Dekan Fakulti Pendidikan serta semua kakitangan Fakulti Pendidikan dan Perpustakaan Tun Sri Lanang yang sentiasa memberi kerjasama yang baik semasa saya menimba ilmu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak lupa juga kepada enumerator dan responden yang terlibat dalam proses pengumpulan data untuk kajian ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang juga merupakan Adun Sungai Tua, Tuan Haji Amirudin Bin Shari yang sentiasa memberi inspirasi kepada saya untuk bekerja keras menjayakan kajian ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan khusus kepada Allahyarhamah bonda saya Teh Bte Muda dan ayahanda Ahmad Bin Bijing yang saya sayangi. Seterusnya isteri saya yang tercinta, Azlitha serta anak-anak yang disayangi Kudin, Diyana, Nabil, Diyani dan Naufal yang banyak mendorong dan memberi inspirasi, semangat bagi saya menghabiskan kajian Ph.D dan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar. Sokongan sosial adalah merujuk kepada aspek keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya. Sokongan fizikal adalah merujuk kepada aspek kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan dan kebersihan serta kawasan rekreasi. Penyertaan sosial pula adalah berkaitan dengan aktiviti keilmuan dan intelektual, keperihatinan sosial, sukan dan rekreasi serta kelestarian alam sekitar. Manakala, kesejahteraan hidup komuniti bandar pula adalah merujuk kepada aspek kesejahteraan yang berkaitan dengan diri, sosial, persekitaran, keselamatan dan ekonomi. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan seramai 2502 orang responden dari pelbagai etnik dan latar belakang yang dipilih secara rawak mudah berstrata di enam Majlis Perbandaran di negeri Selangor. Hasil kajian rintis berdasarkan analisis *Alpha Cronbach* mendapati keseluruhan item bagi kesemua konstruk berada di tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu di antara 0.803 dan 0.946. Analisis data menggunakan SPSS 23.0 yang melibatkan analisis deksriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (ANOVA, MANOVA dan Regresi). Hasil kajian menunjukkan tahap sokongan sosial dan fizikal serta aspek penyertaan sosial berada di tahap yang sederhana tinggi dan sederhana rendah. Manakala, bagi aspek kesejahteraan hidup bandar keseluruhannya berada di tahap sederhana tinggi kecuali bagi aspek kesejahteraan ekonomi dan keselamatan yang masih lagi berada di tahap yang belum memuaskan iaituan di tahap yang sederhana rendah. Analisis MANOVA Dua Hala bagi aspek sokongan sosio-fizikal, penyertaan sosial dan kesejahteraan hidup berdasarkan jantina, etnik dan pendapatan sebahagiannya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dan kesan interaksi. Analisis Regresi pula menunjukkan bahawa faktor sokongan sosial turut menyumbang kepada penyertaan sosial dan seterusnya penyertaan sosial merupakan faktor yang paling dominan menyumbang kepada kesejahteraan hidup komuniti bandar. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pembangunan bandar perlu dirancang secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata. Tesis ini telah mencabar idea asal teori Sistem Ekologi apabila lapisan kronosistem dilihat paling hampir dan bukannya lapisan mikrosistem. Justeru, polisi baru di peringkat Majlis Perbandaran khususnya di negeri Selangor perlu dikaji semula dengan mengambilkira dan mengutamakan kepelbagaian aktiviti sosial dan kemasyarakatan dalam kalangan penduduk bagi menjamin kesejahteraan hidup di bandar.

## **SOCIO-PHYSICAL SUPPORT AND SOCIAL PARTICIPATION TOWARDS URBAN COMMUNITY LIFE WELL-BEING**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify factors of socio-physical support and social participation towards life well-being of urban community. Social support refers to family, peers, local communities and virtual communities. Physical support refers to residential areas, public facilities, security, picturesque and cleanliness as well as recreation areas. Social participation is related to academic and intellectual activities, social concerns, sports and recreation as well as environmental sustainability. Meanwhile, life well-being is associated with well-being aspects of self, social, environment, security and economy. This survey study utilizes questionnaire as the instrument to collect data from 2500 respondents from various ethnics and backgrounds that were randomly selected in six Municipal Councils in Selangor. The results of the pilot study based on Cronbach's Alpha analysis for overall items in all constructs show that the instrument is at high reliability level between 0.803 and 0.946. Data were analyzed using SPSS 23.0 which involves descriptive (mean and standard deviation) and inferential analyses (ANOVA, MANOVA and Regression). The results of the study indicate that social and physical support and social participation levels are at moderately-high and moderate levels. On the other hand, the overall level for aspect of life well-being is at moderately-high level except for security and economy aspects which are only at moderately-low levels. Two Way MANOVA analysis for socio-physical support, social participation and life well-being show significant differences and interaction effects based on gender, ethnicity and income. Regression analysis demonstrates that social support contributes to social participation whereas social participation is the dominant factor contributing to life well-being. The implications of the study suggest that urban growth should be organized in holistic planning and not merely focus on physical development. This thesis has challenged the Ecological System theory whereby the chronosystem seems to be the closest layer as compared to microsystem layer. Hence, new policies at Municipalities level in Selangor state should be revised by taking into accounts the diversity of social activities and communities among residents to ensure their life well-being in urban areas.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB I      PENGENALAN</b>	
1.1      Pengenalan	1
1.2      Latar Belakang Kajian	4
1.3      Pernyataan Masalah	10
1.4      Tujuan Kajian	13
1.5      Objektif Kajian	13
1.6      Persoalan Kajian	14
1.7      Hipotesis Kajian	15
1.8      Landasan Teori Kajian	18
1.8.1    Teori Sistem Ekologi	18
1.8.2    Teori Modal Sosial	19
1.8.3    Konsep Bandar Sejahtera	19
1.9      Kerangka Konseptual Kajian	21
1.10     Kepentingan Kajian	23
1.11     Batasan Kajian	25
1.12     Definisi Operasional	26
1.12.1   Sokongan Sosial	26
1.12.2   Sokongan Fizikal	27
1.12.3   Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	27
1.12.4   Faktor Demografi	28
1.12     Rumusan	29

<b>BAB II</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	31
2.2	Sejarah Ketamadunan Bandar	31
2.3	Pembangunan Bandar dan Kesejahteraan Komuniti dari Perspektif Islam	34
2.4	Bandar dan Pemandaran di Malaysia	39
	2.4.1 Latar Belakang Pemandaran di Malaysia	39
	2.4.2 Konsep Bandar dan Pemandaran	44
2.5	Konsep Bandar Lestari	51
	2.5.1 Konsep Bandar Selamat	58
	2.5.2 Bandar Hijau	64
	2.5.3 Bandar Bestari (Bandar Pintar)	67
2.6	Teori-teori Berkaitan	69
	2.6.1 Teori Sistem Ekologi	69
	2.6.2 Teori Modal Sosial	74
2.7	Komuniti Dan Kesejahteraan Hidup	65
2.8	Sokongan Sosio Fizikal Terhadap Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	81
2.9	Kajian-kajian Lepas	84
2.10	Rumusan	97
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	98
3.2	Reka Bentuk Kajian	98
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	100
3.4	Instrumen Kajian	102
3.5	Kesahan Kandungan	106
3.6	Kajian Rintis	107
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	113
3.8	Tatacara Penganalisan Data	114
	3.8.1 Statistik Deskriptif	114
	3.8.2 Analisis Varians Berganda (MANOVA) Dua Hala	115
	3.8.3 Analisis Regresi Berganda	116
3.9	Rumusan	116

<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	117
4.2	Demografi Responden Kajian	117
4.3	Analisis Deskriptif dan Pengujian Hipotesis	118
4.3.1	Tahap Sokongan Sosial Komuniti Bandar	118
4.3.2	Tahap Sokongan Fizikal Komuniti Bandar	122
4.3.3	Tahap Penyertaan Sosial Komuniti Bandar	126
4.3.4	Tahap Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	129
4.3.5	Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Pendapatan	133
4.3.6	Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Pendapatan	136
4.3.7	Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Pendapatan	139
4.3.8	Perbezaan Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Pendapatan	143
4.3.9	Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	146
4.3.10	Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Jantina dan Etnik	153
4.3.11	Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	161
4.3.12	Perbezaan Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Jantina dan Etnik	167
4.3.13	Sumbangan Sokongan Sosial dan Sokongan Fizikal Terhadap Penyertaan Sosial Komuniti Bandar	174
4.3.14	Sumbangan Sokongan Sosial, Sokongan Fizikal Dan Penyertaan Sosial Terhadap Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	174
4.4	Rumusan	179
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	180
5.2	Ringkasan Kajian	180
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	183
5.3.1	Sokongan Sosial Komuniti Bandar	184
5.3.2	Sokongan Fizikal Komuniti Bandar	186
5.3.3	Penyertaan Sosial Anggota Komuniti	189
5.3.4	Kesejahteraan Komuniti Bandar	190
5.3.5	Perbezaan Sokongan Sosio-Fizikal, Penyertaan Sosial dan Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar Berdasarkan Pendapatan	193
5.3.6	Perbezaan Sokongan Sosio-Fizikal Komuniti Bandar Berdasarkan Jantina dan Etnik	196
5.3.7	Perbezaan Penyertaan Sosial Komuniti Bandar Berdasarkan Jantina dan Etnik	198
5.3.8	Perbezaan Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar Berdasarkan Jantina dan Etnik	200

5.4	Sumbangan Kajian	202
5.4.1	Sumbangan Kepada Teori	202
5.4.2	Sumbangan Sokongan Sosial, Sokongan Fizikal dan Penyertaan Sosial Komuniti Bandar	203
5.4.3	Sumbangan Sokongan Sosial, Sokongan Fizikal dan Penyertaan Sosial Terhadap Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	204
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	205
5.5.1	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	205
5.5.2	Majlis Perbandaran	205
5.5.3	Para Penyelidik Kajian Bandar	205
5.5.4	Pihak yang Berkepentingan	206
5.5.5	Komuniti Bandar	206
5.6	Cadangan Meningkatkan Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	208
5.6.1	Kesejahteraan Diri	209
5.6.2	Kesejahteraan Sosial	209
5.6.3	Kesejahteraan Persekitaran	210
5.6.4	Kesejahteraan Ekonomi	211
5.6.5	Kesejahteraan Keselamatan	211
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	212
5.8	Rumusan	213
	<b>RUJUKAN</b>	217
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A Soal Selidik	228
	Lampiran B Jadual Persampelan	237



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Taburan Penduduk Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan	40
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Instrumen	104
Jadual 3.2	Skala Persetujuan Likert Lima Mata	105
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Bagi Sokongan Sosial	109
Jadual 3.4	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Bagi Sokongan Fizikal	110
Jadual 3.5	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Bagi Penyertaan Sosial	111
Jadual 3.6	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Bagi Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	112
Jadual 3.7	Interpretasi Skor Min	115
Jadual 4.1	Profil Demografi Responden Kajian	177
Jadual 4.2	Tahap Sokongan Sosial Secara Keseluruhan	119
Jadual 4.3	Tahap Sokongan Sosial Bagi Aspek Keluarga	119
Jadual 4.4	Tahap Sokongan Sosial Bagi Aspek Rakan Sebaya	120
Jadual 4.5	Tahap Sokongan Sosial Bagi Aspek Komuniti Setempat	120
Jadual 4.6	Tahap Sokongan Sosial Bagi Aspek Komuniti Maya	121
Jadual 4.7	Tahap Sokongan Fizikal Secara Keseluruhan	122
Jadual 4.8	Tahap Sokongan Fizikal Bagi Aspek Kawasan Tempat Tinggal	123
Jadual 4.9	Tahap Sokongan Fizikal Bagi Aspek Kemudahan Awam	123
Jadual 4.10	Tahap Sokongan Fizikal Bagi Aspek Keselamatan	124
Jadual 4.11	Tahap Sokongan Fizikal Bagi Aspek Keceriaan Dan Kebersihan	124
Jadual 4.12	Tahap Sokongan Fizikal Bagi Aspek Kawasan Rekreasi Untuk Bersantai	125
Jadual 4.13	Tahap Penyertaan Sosial Secara Keseluruhan	126

Jadual 4.14	Tahap Penyertaan Sosial Bagi Aspek Keilmuan dan Intelektual	127
Jadual 4.15	Tahap Penyertaan Sosial Bagi Aspek Keperihatinan Sosial	127
Jadual 4.16	Tahap Penyertaan Sosial Bagi Aspek Kesukanan Dan Rekreasi	128
Jadual 4.17	Tahap Penyertaan Sosial Bagi Aspek Kelestarian Alam Sekitar	128
Jadual 4.18	Tahap Kesejahteraan Hidup Secara Keseluruhan	129
Jadual 4.19	Tahap Kesejahteraan Hidup Bagi Aspek Kesejahteraan Diri	130
Jadual 4.20	Tahap Kesejahteraan Hidup Bagi Aspek Kesejahteraan Sosial	130
Jadual 4.21	Tahap Kesejahteraan Hidup Bagi Aspek Kesejahteraan Persekitaran	131
Jadual 4.22	Tahap Kesejahteraan Hidup Bagi Aspek Kesejahteraan Keselamatan	131
Jadual 4.23	Tahap Kesejahteraan Hidup Bagi Aspek Kesejahteraan Ekonomi	132
Jadual 4.24	Ujian Box'M Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Pendapatan	133
Jadual 4.25	Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Pendapatan	134
Jadual 4.26	Analisis ANOVA Satu Hala Aspek Dalam Sokongan Sosial	134
Jadual 4.27	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Sokongan Sosial Berdasarkan Pendapatan	135
Jadual 4.28	Ujian Box'M Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Pendapatan	137
Jadual 4.29	Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Pendapatan	137
Jadual 4.30	Analisis ANOVA Satu Hala Aspek Dalam Sokongan Fizikal Berdasarkan Pendapatan	138
Jadual 4.31	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Sokongan Fizikal Berdasarkan Pendapatan	138
Jadual 4.32	Ujian Box'M Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Pendapatan	140
Jadual 4.33	Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Pendapatan	140

Jadual 4.34	Analisis ANOVA Satu Hala Aspek Dalam Penyertaan Sosial Berdasarkan Pendapatan	141
Jadual 4.35	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Penyertaan Sosial Berdasarkan Pendapatan	142
Jadual 4.36	Ujian Box'M Perbezaan Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Pendapatan	143
Jadual 4.37	Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Pendapatan	144
Jadual 4.38	Analisis ANOVA Satu Hala Aspek Dalam Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Pendapatan	144
Jadual 4.39	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Pendapatan	145
Jadual 4.40	Ujian Box'M Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	147
Jadual 4.41	Analisis MANOVA Dua Hala Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	148
Jadual 4.42	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek-aspek Dalam Sokongan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	149
Jadual 4.43	Analisis ANOVA Dua Hala Aspek Dalam Sokongan Sosial Antara Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Etnik	150
Jadual 4.44	Ujian Pos Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Sokongan Sosial Berdasarkan Etnik	151
Jadual 4.45	Ujian Box'M Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Jantina dan Etnik	154
Jadual 4.46	Analisis MANOVA Dua Hala Perbezaan Sokongan Fizikal Berdasarkan Jantina dan Etnik	155
Jadual 4.47	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek-aspek Dalam Sokongan Fizikal Berdasarkan Jantina dan Etnik	156
Jadual 4.48	Analisis ANOVA Dua Hala Aspek Dalam Sokongan Fizikal Antara Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Etnik	157
Jadual 4.49	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Sokongan Fizikal Berdasarkan Etnik	158

Jadual 4.50	Ujian Box'M Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	162
Jadual 4.51	Analisis MANOVA Dua Hala Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	162
Jadual 4.52	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek-aspek Dalam Penyertaan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	163
Jadual 4.53	Analisis ANOVA Dua Hala Aspek Dalam Penyertaan Sosial Antara Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Etnik	164
Jadual 4.54	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Penyertaan Sosial Berdasarkan Etnik	165
Jadual 4.55	Ujian Box'M Perbezaan Penyertaan Sosial Berdasarkan Jantina dan Etnik	168
Jadual 4.56	Analisis MANOVA Dua Hala Perbezaan Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Jantina dan Etnik	169
Jadual 4.57	Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek-aspek Dalam Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Jantina dan Etnik	170
Jadual 4.58	Analisis ANOVA Dua Hala Aspek Dalam Kesejahteraan Hidup Antara Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Etnik	171
Jadual 4.59	Ujian Post Hoc Ujian Scheffe Perbezaan Aspek Dalam Kesejahteraan Hidup Berdasarkan Etnik	172
Jadual 4.60	Analisis Varian	175
Jadual 4.61	Regresi sumbangan sokongan sosial dan sokongan fizikal terhadap penyertaan sosial	175
Jadual 4.62	Analisis Varian	176
Jadual 4.63	Regresi sumbangan sokongan sosial, sokongan fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup	177
Jadual 4.64	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Sokongan Sosial, Sokongan Fizikal, Penyertaan Sosial dan Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar	177

## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	22
Rajah 2.1	Model Sistem Ekologi	69
Rajah 3.1	Jadual Persampelan	102
Rajah 4.1	Kesan Interaksi antara Jantina dan Etnik bagi Aspek Sokongan Keluarga, Rakan Sebaya, Komuniti Setempat dan Komuniti Maya	152
Rajah 4.2	Kesan Interaksi di Antara Jantina dan Etnik bagi Aspek Kawasan Tempat Tinggal, Kemudahan Awam, Keselamatan, Keceriaan dan Kebersihan dan Kawasan Rekreasi untuk Bersantai	159
Rajah 4.3	Kesan Interaksi antara Jantina dan Etnik bagi Aspek Keilmuan dan Intellektual, Keprihatinan Sosial, Kesukanan dan Rekreasi, Kelestarian Alam Sekitar	166
Rajah 4.4	Kesan Interaksi antara Jantina dan Etnik bagi Aspek Kesejahteraan Diri, Kesejahteraan Sosial, Kesejahteraan Persekitaran, Kesejahteraan Keselamatan dan Kesejahteraan Ekonomi	173

## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variance
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
FELDA	Federal Land Development Authority
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
KNDK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Indeks Kesejahteraan Keluarga
MANOVA	Multivariate Analysis of Variance
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
MDKL	Majlis Daerah Hulu Langat
MDKS	Majlis Daerah Kuala Selangor
MDSB	Majlis Daerah Sabak Bernam
MEB	Model Ekonomi Baru
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPK	Majlis Perbandaran Klang
MPKJ	Majlis Perbandaran Kajang
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MP Sepang	Majlis Perbandaran Sepang
MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya
NGO	Non-Governmental Organisations
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
RMK11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SES	Status Sosio-Ekonomi
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

UNICEF  
WPKL

The United Nations Children's Fund  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pembangunan merupakan satu konsep pembangunan yang sering dibincangkan dalam ilmu ketamadunan dan perkembangan masyarakat. Istilah lain yang sering digunakan termasuklah urban dan kota. Pembangunan menjadi asas kepada pelbagai tamadun di dunia ini. Hal ini kerana pelbagai kegiatan sosial, ekonomi dan pendidikan berlaku dengan aktif di kawasan bandar. Kemajuan ekonomi bandar telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada penduduk yang datang berhijrah serta dilengkapi dengan kemudahan kediaman idaman dan kemudahan awam yang memenuhi ciri-ciri kehidupan moden yang dikehendaki. Gordon Childe (1999) berpendapat revolusi urban meletakkan asas bagi perkembangan tamadun khususnya dari segi perkembangan budaya material, intelektual dan kesenian.

Kesejahteraan kehidupan di bandar mula menjadi tumpuan apabila berlakunya pertambahan penduduk bandar ekoran daripada kerancakan ekonomi di kawasan bandar. Migrasi ke bandar telah menyebabkan berlakunya konflik dalam pelbagai aspek termasuklah peluang pekerjaan, kehidupan yang berkualiti, pendidikan serta kehidupan sosial yang sihat. Pelbagai masalah muncul yang melibatkan isu gelandangan, kemiskinan bandar, pembuangan sisa pepejal, kegiatan dan tingkahlaku jenayah serta merosakkan harta awam dan pelbagai lagi bentuk ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman kehidupan. Justeru itu, dalam memenuhi konsep bandar masa depan yang memenuhi keperluan hidup penduduk yang mahukan bandar selamat, bandar ceria, bandar yang hidup dan bandar yang bebas jenayah atau dengan lain perkataan bandar sejahtera, maka konsep perancangan dan pengurusan bandar telah berubah dengan pendekatan dan idea pembaharuan yang ketara. Ibn Khaldun

(2002) menegaskan bahawa tamadun bangsa bermula dan berkembang di petempatan bandar. Konsep masyarakat madani (*civil society*) menonjolkan ciri-ciri ketamadunan berteraskan idealisme sebuah bandar yang memenuhi gaya hidup moden, bersifat privasi, mempunyai ciri-ciri keselamatan dan menyediakan segala keperluan untuk hidup yang selesa dengan pelbagai akses pengangkutan awam, kemudahan rekreasi, pendidikan dan kegiatan sosial yang menghidupkan suasana sebuah bandar.

Kehidupan di bandar menjanjikan dua keadaan iaitu menjadi penduduk yang dapat meraih peluang dengan menggunakan ilmu dan kemahiran atau menjadi sebab kekecewaan disebabkan tidak mempunyai ilmu dan kemahiran. Dualisme kehidupan bandar berlaku akibat realiti bandar yang berbeza dan memerlukan pemahaman yang konkrit dalam corak dan cara pengurusanannya. Bandar menjadi tempat himpunan pelbagai lapisan pendidikan dan sumber ilmu pengetahuan dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan untuk meningkatkan mobiliti sosial, kemudahan perumahan yang menunjukkan kehidupan dan berfungsi menjadi wadah untuk interaksi antara penduduk dalam bandar agar dapat memenuhi kelangsungan hidup sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn Khaldun (2002) iaitu semangat kebersamaan untuk meningkatkan daya boleh huni dengan pergaulan sosial yang membina dan saling mewujudkan rasa sepunya dan saling menghargai.

Penghijrahan ke bandar lazimnya bagi mendapatkan pekerjaan dan juga pengembangan ekonomi serta masing-masing mempunyai misi untuk mendapatkan kesejahteraan kehidupan yang lebih baik di mana pelbagai peluang dan kemudahan yang ada di kawasan bandar. Perkembangan teknologi dan pembangunan pesat dalam pelbagai bidang masa kini telah memberi impak terhadap trend gaya hidup, pola pemikiran, status kehidupan, jaringan sosial dan pelbagai bentuk perubahan yang tidak dijangka berlaku di seluruh dunia manakala kesannya turut berlaku dalam kehidupan di Malaysia khususnya dalam komuniti bandar.

Kehidupan di bandar menjadi petunjuk kepada rangka pembangunan mapan dan proses pemodenan masyarakat kerana bandar merupakan nadi penggerak kegiatan ekonomi dan tumpuan penghijrahan penduduk luar bandar untuk mencari pekerjaan dan merebut peluang daripada limpahan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup.

Elemen kesejahteraan hidup di bandar menjadi indeks yang diukur dalam menentukan kemajuan sesebuah negara. Secara tidak langsung memperkemas kehidupan komuniti bandar dengan maksud mengeratkan integrasi masyarakat pelbagai etnik melalui *social collectivism* termasuk aktiviti-aktiviti masyarakat setempat sebagai teras memperkukuhkan kesepaduan nasional.

Konsep pembangunan lestari diketengahkan sebagai langkah penyelesaian untuk menzahirkan sebuah kehidupan yang sejahtera dengan membina bandar idaman yang selamat, hijau, bersih dan menawarkan status daya boleh huni yang tinggi. Agenda ini mula diperkenalkan dalam proses merancang pembangunan apabila Rancangan Malaysia ke VI (1991-1995) dikaji semula Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan garis panduan perancangan bandar mengikut spesifikasi bandar masa hadapan dan konsep pembangunan mapan. Hal ini merupakan rentetan daripada Sidang Kemuncak Bumi 1992 di Rio de Janeiro yang menegaskan pentingnya pemeliharaan alam sekitar dalam mewujudkan landskap sebuah bandar yang menyediakan suasana pemelihara alam sekitar dan bebas pencemaran.

Kehidupan di bandar yang sibuk dan aktif menyebabkan penduduk menginginkan kawasan kediaman yang selesa untuk dapat merehatkan diri serta mempunyai jiran-jiran yang perihatin juga pengurusan perumahan yang cekap agar dapat rasa tenang, seronok dan sejahtera. Antara isu-isu masa kini yang perlu ditangani secara berkesan untuk membina kehidupan yang sejahtera pada masa hadapan ialah kemerosotan integrasi antara etnik yang menjejaskan proses integrasi nasional, kemerosotan tingkahlaku bermoral dalam kalangan penduduk bandar yang menyaksikan peningkatan tindakan jenayah, tahap keselamatan masyarakat yang kian terancam, keruntuhan nilai-nilai dalam institusi keluarga, masyarakat yang bersifat individualistik, amalan fanatik dan ekstrimis, kemerosotan kualiti alam sekitar serta ketidakseimbangan antara etnik.

Kesejahteraan manusia yang terancang dari segi keselamatan, perlindungan sosial, perumahan, kesihatan, kerja sosial dan pendidikan adalah suatu proses yang

berterusan dan menuntut penambahbaikan. Semua penduduk yang menetap dan mencari rezeki di bandar, mahukan sebuah bandar yang mempunyai nilai boleh huni yang tinggi dengan pelbagai konsep rekabentuknya seperti bandar selamat, bandar bestari, bandar hijau, bandar lestari dan bandar sejahtera. Strategi untuk mewujudkan bandar sejahtera ini turut diikat dengan punca kuasa seperti akta-akta perundangan yang berkaitan dengan pembandaran seperti Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1966 Akta 118), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538), Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Kesejahteraan di Malaysia dapat dilihat menerusi elemen-elemen sebagaimana yang terkandung di dalam Indek Kualiti Hidup Malaysia (IKHM). Berdasarkan laporan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) (1999) yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), apabila masyarakat mengalami peralihan kehidupan yang lebih baik, maka kualiti hidup juga akan meningkat sekaligus memberi impak kepada kesejahteraan hidup. Terdapat 10 indikator dalam mengukur kesejahteraan hidup di Malaysia berdasarkan IKHM iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan awam. Indikator-indikator ini telah menjadi asas dalam meneliti kesejahteraan komuniti dalam kajian ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan bandar masa hadapan yang lestari menekankan tiga komponen utama iaitu pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar. Dalam konteks Malaysia, Selangor merupakan negeri yang termaju dan moden, justeru pembangunan bandar lestari menjadi keutamaan sebagai model kepada negeri-negeri lain. Visi yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran di Selangor ialah mewujudkan bandar lestari yang mempunyai ciri-ciri bandar bestari, kota niaga dan kediaman idaman yang hidup (*lively*), bersemangat (*energetic*), mesra (*friendly*) dan mengekalkan kehijauan (*green city*). Pelan perbandaran yang ideal di Selangor mengambil kira pembinaan struktur

bandar yang mantap dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap bertujuan mewujudkan kediaman yang kondusif dan kehidupan berkualiti.

Tanggapan umum tentang himpunan kekayaan itu tidak jauh tersisih daripada kekuatan sebenarnya bandar sebagai pusat pengumpul kekayaan menerusi agglomerasi pengeluaran dan perkhidmatan dan turut berlonggok dalam kawasannya institusi kesihatan, pendidikan, perniagaan, perkhidmatan dan rangkian pelbagai lapis bandar itu dengan berbagai-bagai saiz bandar dalam hierarki petempatan bandar dengan pelbagai lapisan pula kawasan sokongan yang tersebar ke seluruh dunia namun longgokan kekayaan dan segala kemudahan itu tidak semestinya menjamin kelestarian bandar. Ini timbul kerana kemasukan orang ramai untuk menetap di bandar tidak dapat ditapis oleh pengurus kawasan perbandaran. Pada bila-bila masa akan terdapat kumpulan yang terus tercicir dari arus perdana pembangunan bandar.

Pelbagai isu yang muncul dibandar seperti kegiatan vandalisme, perbuatan lepak, merempit, jenayah, sisa buangan yang tidak diuruskan dengan baik oleh pihak pengurusan serta kemudahan awam yang dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab memerlukan langkah menanganinya dengan lebih sistematik dan berkesan agar mengubah wajah dan landskap bandar sebagai tempat yang boleh dihuni dan memberikan keselesaan. Justeru itu bandar hendaklah diurus secara praktikal, sistematik dan perancangan yang berkesan. Isu pembuangan sampah, tingkahlaku vandalisme dan keruntuhan moral (penyalahgunaan najis dadah, lepak, samseng, pembuli jalanraya, kegiatan perjudian dan pelacuran) boleh menimbulkan banyak masalah lain seperti kes pecah rumah, ragut, langgar lari hingga kepada kes-kes pembunuhan yang boleh mengancam keselamatan dan menghakis nilai hidup mapan dan sejahtera.

Setiap penduduk di sesebuah bandar perlu memiliki pengetahuan dan kesedaran untuk melestarikan kehidupan menerusi amalan mulia dan berhemah agar dapat menyokong segala perancangan bandar lestari yang sedang digerakkan oleh semua Majlis Perbandaran di Negeri Selangor. Terdapat jurang kajian berkaitan kesejahteraan bandar dengan lebih banyak melihat struktur fizikal bandar berbanding kesejahteraan subjektif (*subjective wellbeing*) berkaitan kehidupan di bandar. Kajian-

kajian berkaitan kualiti hidup yang banyak dilakukan lebih memberi tumpuan kepada akses pengangkutan dan hakmilik barangan namun kurang memberi tumpuan kepada konsep kesejahteraan yang melibatkan aspek-aspek nilai dan kemanusiaan.

Sham Sani (2001) memperkukuhkan makna kesejahteraan hidup penduduk bandar yang dapat menghuni bandar dengan aman, sejahtera dalam entiti persekitaran, ekonomi dan sosio-budaya yang kesemuanya mempunyai rangkaian lengkap. Pembentukan komuniti sejahtera ini boleh dihimpun konsepnya melalui beberapa pendekatan iaitu Garden city yang dipelopori oleh Ebenezer Howard (1898) yang menjadikan bandar-bandar dihiasi bunga dan rumput hijau subur merona dan bermatlamat untuk menjadikan kawasan bandar yang kosong jiwa alam dipenuhi dengan taman-taman bunga yang cantik tersusun dengan warna warni bunga-bunga yang indah. Ini memberi motivasi menjadikan kepesatan dan kesibukan kota yang penuh dengan unsur negatif dineutralkan dengan keindahan menghijau ala luar bandar. Konsep bandar dalam taman antara satu alternatif yang dirangka untuk memberikan kesejahteraan kepada penduduk yang menghuni hutan batu dengan kesesakan binaan fizikal agar memberi pengudaraan yang lebih baik dan suasana kesegaran hasil pelepasan oksigen.

Laili Paim (2009) mengakui kesejahteraan hidup bandar merangkumi elemen fizikal, sosial, ekonomi dan nilai yang perlu dibangunkan secara seimbang dan berkesan. Infrastruktur yang lengkap tanpa kefahaman tentang penggunaan yang betul akan menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak memberi impak kepada penduduk atau boleh menjadi mangsa vandalisme. Pemupukan semangat kekitaan, permuafakatan dan rasa kebersamaan dalam kalangan penduduk tanpa mengira latar belakang dan etnik perlu diambil kira sebagai asas dalam menentukan kesejahteraan hidup komuniti bandar dalam konteks kawasan kejiranan dan sebuah komuniti yang harmoni, berhemah dan bahagia di kawasan perbandaran yang selesa dan terpelihara. Impaknya akan menyediakan persekitaran pembelajaran dan pertumbuhan yang baik untuk generasi muda berkembang serta mengalami pertumbuhan biarpun dalam kawasan bandar yang dinamik dan penuh cabaran.

Secara formal atau tidak formal perancangan ruang bandar merupakan salah satu usaha ke arah menentukan kesejahteraan sesebuah komuniti itu. Bidang perancangan (bandar dan wilayah) diberikan mandat untuk membentuk sebuah persekitaran yang lebih baik untuk kesejahteraan komuniti. Pemikiran bandar sejahtera yang pada awalnya menjurus kepada pembangunan fizikal bandar dan hubung kait dengan manusia, konsep bandar lestari yang dibawa oleh Peterson, Sham Sani, Mohd Nordin (1999) dan Sham Sani (2001) memperkukuhkan proses bandar lestari yang perlu berlangsung secara terus-terusan. Penghuni bandar diharap dapat menghuni dengan aman, sejahtera dengan entiti persekitaran, ekonomi, sosio-budaya, ruang dan governan yang kesemuanya mempunyai rangkaian yang baik dan lengkap.

Menurut Friedman, F. & Wulff, R. (1986.) pembangunan bandar lestari semakin diberi perhatian sejak wujudnya bukti bahawa biosfera kebanyakan bandar besar tidak lagi mampu menampung keperluan penduduknya, bukan sahaja tanah pertanian dan kawasan hijau telah berkurangan, persekitarannya juga kian terancam menyebabkan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduknya juga merosot. Pembinaan Putrajaya merupakan konsepsualisasi dan hasil pengharapan yang diterjemah ke dalam bentuk ruang bandar. Model yang hendak dibangunkan ialah contoh bandar yang sejahtera dengan ciri-ciri bandar selamat, bandar hijau (bandar dalam taman) dan bandar boleh huni.

Maksud bandar lestari diterjemahkan melalui penyediaan sistem keselamatan setempat yang diusahakan secara bersama atau yang dipersetujui oleh penghuni kawasan seperti kawalan pintu masuk, rukun tetangga, dan sebagainya. Ini adalah perlu untuk memastikan keselamatan penghuni adalah terpelihara daripada kejadian jenayah pecah rumah, rogol, kecurian dan pelbagai bentuk ancaman yang lain. Linnamaa Sutarauta (1998) memberi penekanan terhadap pembentukan lokaliti atau komuniti. Dirasakan bahawa tempat-tempat yang paling berjaya adalah tempat-tempat yang dimiliki, dijaga dan disayangi penduduknya. Menurut Dzul Ashrai Abu Bakar & Hamzah Jusoh. (2017) bermula pada tahun 1990, UNDP telah memperkenalkan tiga konsep pembangunan yang bermatlamat mewujudkan kesejahteraan dan mempertingkatkan martabat manusia. Ketiga-tiga konsep tersebut ialah

mengutamakan pekerjaan dan pendapatan, kemudahan memperolehi layanan kesihatan dan kemudahan dalam menikmati pendidikan.

Pembangunan manusia tidak menolak pertumbuhan sebaliknya menganggap pertumbuhan sebagai cara untuk memperluaskan pilihan manusia dan memajukan kesejahteraan mereka. Perubahan dalam pembangunan ini melibatkan proses dan jangka masa, sama ada berperingkat-peringkat ataupun dalam tempoh yang pantas dan berterusan (Kartini Aboo Talib, 2016). Pembangunan boleh dianggap sebagai usaha untuk memperluaskan kebebasan sebenar yang dinikmati oleh manusia. Lazimnya, pembangunan diidentifikasi dengan pertumbuhan keluaran negara kasar, peningkatan dalam pendapatan individu, industrilisasi, kemajuan teknologi serta pemodenan sesebuah bandar yang lengkap dengan kemudahan untuk memenuhi keperluan penduduknya. Asmah Ahmad (1999) telah menyenaraikan petunjuk kesejahteraan yang boleh digunakan dalam menilai tahap kesejahteraan sosial iaitu perlindungan, kesihatan, pendidikan, rekreasi, keselamatan, kestabilan sosial, persekitaran fizikal dan pendapatan. Walau bagaimanapun dalam penilaian kesejahteraan sosial, suatu pemangkin pembangunan harus berlaku sebelum kesejahteraan sosial dan kualiti hidup dapat dikaji dan ditentukan. Pemangkin yang dimaksudkan adalah penggerak kepada perubahan sesuatu kawasan seperti kewujudan pasaraya, kompleks kerajaan, gelanggang sukan, pusat komuniti atau kilang industri.

Kajian mengenai kualiti hidup juga ada dilakukan oleh Azemi Che Hamid (2004) ke atas penduduk bandar Kerteh, Kemaman untuk meninjau elemen kualiti hidup di bandar Kerteh berkaitan penjagaan kesihatan, amalan makanan & permakanan, infrastruktur, kehidupan keluarga, bantuan & perkhidmatan dan ekonomi. Dapatan menunjukkan penduduk bandar Kerteh telah mencapai tahap penjagaan kesihatan yang baik kerana kompleks Petronas telah menyediakan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang baik dengan adanya tenaga pakar yang dapat merawat penyakit kritikal juga tersedianya jaringan kemudahan infrastruktur yang baik selari dengan status bandar Kerteh sebanyak bandar minyak yang dihuni oleh ramai golongan ekspatriat.

Perubahan masyarakat yang terjadi pada masa sekarang lazimnya dipengaruhi oleh unsur penggunaan teknologi moden yang mengkehendaki masyarakat beradaptasi dan mengikuti perubahan yang berlaku untuk mencapai kemajuan. Pelbagai perubahan moden dalam kehidupan telah mengubah pola dan cara hidup dengan meninggalkan amalan lama kepada gaya hidup baharu yang berteraskan ilmu dan pengetahuan tentang amalan penjagaan kesihatan, amalan kitar semula dan penggunaan teknologi baharu yang memudahkan kehidupan penduduk malah berupaya menjadi pemangkin untuk melonjakkan tindakan penduduk dalam merevolusi semula cara kerja yang lebih efisien dan efektif berteraskan pengeluaran dan keuntungan. Hal ini turut mengubah kelas sosial dan mewujudkan lebih ramai kumpulan kelas menengah yang dapat memperbaiki mutu dan kualiti kehidupan mereka menerusi tahap pendidikan dan penguasaan kemahiran.

Untuk mencapai matlamat kesejahteraan sosial perlu dilakukan pengukuran kadar perkembangan sosial terlebih dahulu dengan menganalisis situasi sosial semasa atau keadaan perkembangan sosial bagi tujuan mengukur perubahan-perubahan keadaan sosial yang berlaku dan keadaan-keadaan perubahan yang diharapkan. Selalunya manusia perlu menerima pembaharuan untuk membuat perubahan dan mencapai kemajuan. Setiap individu dalam komuniti perlu berusaha untuk belajar dan membangunkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran baharu dan meneroka bidang-bidang yang belum diteroka untuk bersaing dalam dunia global yang mengalami revolusi cara kerja dan penggunaan teknologi sehingga terdapat situasi di mana pekerjaan cara lama tidak lagi dilakukan untuk beralih kepada cara kerja baharu yang memberi lebih pulangan kepada kesejahteraan hidup dari segi kepuasan kerja, pengeluaran pada skala besar dan keuntungan yang berlipat ganda.

Pembangunan lestari dan keperluan kualiti hidup terangkum dalam satu acuan yang sama berpaksikan kepada kesejahteraan sosial. Walaupun penelitian dilakukan terhadap kedua-dua konsep tersebut, tiada perbezaan ketara yang dapat ditunjukkan dari segi matlamat akhir yang ingin dicapai kerana ianya umpama cerminan antara satu sama lain. Aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh manusia tanpa mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar akan menyebabkan kemerosotan terhadap kualiti alam sekitar dan akan memberi kesan terhadap kesejahteraan dan keharmonian

penduduk setempat. Oleh itu, untuk memperolehi tahap kualiti hidup yang sempurna setiap pembangunan perlu mengambil kira kepentingan hidup manusia. Bagi memastikan setiap pembangunan tersebut memberi kesan yang seimbang maka ianya perlu mencakupi persepaduan elemen ekonomi, sosial dan fizikal secara serentak. Elemen-elemen ini merupakan entiti yang penting untuk kesejahteraan hidup masyarakat

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Selari dengan perkembangan dunia yang pesat dan kemajuan industri yang berkembang secara agresif, banyak kawasan diteroka dan dibangunkan untuk pembinaan kawasan perumahan baharu, pusat komersial (pusat perniagaan dan perhotelan) dan zon industri yang turut menarik limpahan masuk penduduk luar bandar dan warga asing untuk mencari pekerjaan dan memperbaiki taraf hidup drngan mencari keselesaan di kawasan petempatan baharu.

Kajian luar negara berkaitan Kesejahteraan hidup komuniti bandar banyak dilakukan di antaranya (Camfield & Skevington (2008); Plagnol (2010) & Robert Putnam (1995) mendapati bahawa kemudahan fizikal, keterlibatan sosial, kegiatan ekonomi, keselamatan, keceriaan, kelestarian alam sekitar adalah merupakan faktor yang sangat penting menentukan kesejahteraan hidup komuniti bandar. Pendidikan non-formal dalam komuniti bandar adalah elemen utama dalam membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti bandar (Abdul Razaq Ahmad 2017). Oleh itu aspek pendidikan perlu diberi perhatian dalam penyelidikan berkaitan komuniti bandar. Kajian dalam negara oleh Noraniza, Azlizan & Yusuf (2011), Muhamad Fadhil Nurdin (2003) banyak memfokuskan kepada pembangunan fizikal bandar. Manakala, aspek kesejahteraan hidup bandar pula adalah berdasarkan indeks kesejahteraan komuniti berasaskan pemilikan asas barangan dan juga beberapa aspek lain yang tidak menyeluruh.

Nilai-nilai hidup yang kian merosot dan membelakangkan agama serta desakan ekonomi telah meningkatkan kadar jenayah, rasuah dan segala bentuk tingkahlaku negatif. Hal ini tentu sekali akan menjejaskan kualiti hidup penduduk yang membeli

kediaman mereka di kawasan bandar. Justeru itu, kedinamikan yang wujud dalam kehidupan di bandar perlu diurus secara praktikal, sistematik dan perancangan yang berkesan. Isu pembuangan sampah, tingkahlaku vandalisme dan keruntuhan moral (penyalahgunaan najis dadah, lepak, samseng, pembuli jalanraya, kegiatan perjudian dan pelacuran) boleh menimbulkan banyak masalah lain seperti kes pecah rumah, ragut, langgar lari hingga kepada kes-kes pembunuhan yang boleh mengancam keselamatan dan menghakis nilai hidup mapan dan sejahtera.

Setiap penduduk di sesebuah bandar perlu memiliki pengetahuan dan kesedaran untuk melestarikan kehidupan menerusi amalan mulia dan berhemah agar dapat menyokong segala perancangan bandar mapan (lestari) yang sedang digerakkan oleh semua Majlis Perbandaran di Negeri Selangor. Terdapat jurang kajian berkaitan kesejahteraan bandar yang lebih banyak melihat struktur fizikal bandar berbanding kesejahteraan subjektif (*subjective wellbeing*) berkaitan kehidupan di bandar. Kajian-kajian berkaitan kualiti hidup yang banyak dilakukan lebih memberi tumpuan kepada akses pengangkutan dan hakmilik barangan (tahap kesejahteraan lebih melihat hakmilik kereta, telefon, akses ke pejabat, dan sekolah) namun kurang menjurus kepada konsep kesejahteraan yang melibatkan aspek-aspek nilai dan kemanusiaan.

Sham Sani (2001) memperkukuhkan makna kesejahteraan hidup penduduk bandar yang dapat menghuni bandar dengan aman, sejahtera dalam entiti persekitaran, ekonomi dan sosio-budaya yang kesemuanya mempunyai rangkaian lengkap. Laili Paim (2009) mengakui kesejahteraan hidup bandar merangkumi elemen fizikal, sosial, ekonomi dan nilai yang perlu dibangunkan secara seimbang dan berkesan. Infrastruktur yang lengkap tanpa kefahaman tentang penggunaan yang betul akan menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak memberi impak kepada penduduk atau boleh menjadi mangsa vandalisme.

Kajian-kajian yang berkaitan kesejahteraan komuniti bandar telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di luar negara di antaranya Garau & Pavan (2018); Mouratidis (2018); Masala & Garau (2017). Kajian-kajian tersebut adalah berkaitan dengan indikator-indikator kehidupan sejahtera dan permasalahan yang timbul dalam kalangan ahli komuniti ke arah mewujudkan persekitaran yang lebih harmoni dan

mapan. Namun begitu, kajian dalam negara ada juga dilakukan seperti kajian Dzul Ashrai Abu Bakar & Hamzah Jusoh (2017) dan tidak berbentuk menyeluruh khususnya yang melibatkan hubungan sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti bandar. Perkara ini juga ditegaskan oleh Harris dan Wong (2009) pembangunan bandar lestari semakin diberi perhatian sejak wujudnya bukti bahawa biosfera kebanyakan bandar besar tidak lagi mampu menampung keperluan penduduknya, bukan sahaja tanah pertanian dan kawasan hijau telah berkurangan, persekitarannya juga kian terancam menyebabkan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduknya juga merosot.

Justeru itu, satu kajian secara menyeluruh yang melibatkan sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial amat perlu dilakukan bagi mengenalpasti adakah aspek-aspek tersebut boleh menentukan kesejahteraan hidup komuniti bandar. Bagi merealisasikan kajian ini, kajian dilakukan di negeri Selangor memandangkan negeri Selangor adalah merupakan sebuah negeri yang termaju di Malaysia dan kajian ini turut memfokuskan kepada 6 Majlis Perbandaran yang melibatkan pelbagai etnik dan latar belakang status sosio-ekonomi. Kajian di peringkat ini adalah sangat penting dengan adanya kajian-kajian yang komprehensif dan saintifik boleh membantu pihak Majlis Perbandaran di negeri Selangor untuk dinaikkan taraf sebagai satu Dewan Bandaraya yang sesuai dengan keperluan kesejahteraan hidup komuniti setempat.

Fokus utama kajian ini ialah menilai sejauhmana kesejahteraan hidup komuniti bandar dapat dicapai menerusi sokongan kemudahan fizikal yang wujud, sokongan aspek-aspek kemanusiaan menerusi persekitaran sosial serta penglibatan penduduk dalam aktiviti-aktiviti sosial melibatkan aspek keilmuan (intelektual), keperihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi serta kelestarian alam sekitar. Selain daripada itu, kajian ini juga turut memfokuskan kepada jantina, etnik dan pendapatan di mana kajian-kajian sebelumnya tidak menumpukan perbandingan etnik. Perbandingan etnik dalam menentukan kesejahteraan hidup komuniti adalah berbeza kerana ianya mempunyai budaya yang berbeza di antara etnik-etnik Melayu, Cina dan India. Ini seharusnya dikaji bagi memenuhi keperluan etnik-etnik tersebut. Begitu juga dengan jantina di mana banyak kajian dilakukan yang mendapati terdapat perbezaan keperluan golongan lelaki dan golongan wanita di mana di kawasan bandar mendapati bahawa

banyak golongan wanita mempunyai tanggungjawab menjalankan pekerjaan yang sama berbanding dengan golongan wanita di kawasan kampung atau pedalaman.

#### **1.4 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar. Sokongan sosial adalah merujuk kepada aspek keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya. Sokongan fizikal adalah merujuk kepada aspek kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan dan kebersihan serta kawasan rekreasi. Penyertaan sosial pula adalah berkaitan dengan aktiviti keilmuan dan intelektual, keperihatinan sosial, sukan dan rekreasi serta kelestarian alam sekitar. Manakala, kesejahteraan hidup komuniti bandar pula adalah merujuk kepada aspek kesejahteraan yang berkaitan dengan diri, sosial, persekitaran, keselamatan dan ekonomi. Kajian ini turut meninjau perbezaan keempat-empat konstruk berdasarkan jantina, etnik dan status sosio ekonomi responden. Status sosio-ekonomi (SES) lebih merujuk kepada pendapatan responden. Kajian ini turut meninjau sumbangan antara konstruk sokongan sosio-fizikal terhadap penyertaan sosial dan ketiga-tiga konstruk tersebut terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar.

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan tujuan yang telah dinyatakan, objektif yang hendak dicapai melalui kajian ini ialah :

1. Menenalpasti tahap sokongan sosio-fizikal, penyertaan sosial dan kesejahteraan hidup komuniti bandar.
2. Menenalpasti perbezaan konstruk sokongan sosio- fizikal, penyertaan sosial dan kesejahteraan hidup komuniti bandar berdasarkan pendapatan, jantina, etnik, dan status sosio ekonomi.
3. Menenalpasti sumbangan pembolehubah sokongan sosio-fizikal terhadap penyertaan sosial dalam kalangan penduduk bandar.

4. Mengenalpasti sumbangan pembolehubah sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar.

## 1.6 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, persoalan kajian yang hendak dijawab menerusi kajian ini ialah :

1. Apakah tahap sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar?
2. Apakah tahap sokongan fizikal bagi aspek kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar?
3. Apakah tahap penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar?
4. Apakah tahap kesejahteraan hidup bagi aspek diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan sokongan fizikal bagi kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan?

7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesejahteraan hidup komuniti bandar bagi aspek kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi berdasarkan pendapatan?
9. Adakah terdapat sumbangan pembolehubah sokongan sosio-fizikal terhadap penyertaan sosial dalam kalangan penduduk bandar?
10. Adakah terdapat sumbangan pembolehubah sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar?

### 1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis Ho1 merujuk kepada persoalan 5, Ho2 merujuk persoalan 6, Ho3 merujuk persoalan 7, Ho4 merujuk persoalan 8 dan seterusnya.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan fizikal bagi kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan pendapatan

- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesejahteraan hidup komuniti bandar bagi aspek kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi berdasarkan pendapatan
- Ho5<sub>a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan jantina.
- Ho5<sub>b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan etnik.
- Ho5<sub>c</sub>: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan etnik dalam sokongan sosial bagi aspek sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan komuniti maya dalam kalangan komuniti bandar.
- Ho6<sub>a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan fizikal bagi kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan jantina.
- Ho6<sub>b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan fizikal bagi kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan etnik.
- Ho6<sub>c</sub>: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan etnik sokongan fizikal bagi kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, keselamatan, keceriaan & kebersihan dan kawasan rekreasi untuk bersantai dalam kalangan komuniti bandar.
- Ho7<sub>a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan jantina.

- Ho7<sub>b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar berdasarkan etnik.
- Ho7<sub>c</sub>: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan etnik penyertaan sosial bagi aspek aktiviti keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti bandar.
- Ho8<sub>a</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesejahteraan hidup komuniti bandar bagi aspek kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi berdasarkan jantina.
- Ho8<sub>b</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesejahteraan hidup komuniti bandar bagi aspek kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi berdasarkan etnik.
- Ho8<sub>c</sub>: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan etnik kesejahteraan hidup komuniti bandar bagi aspek kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi.
- Ho9: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan pembolehubah sokongan sosial dan sokongan fizikal terhadap penyertaan sosial dalam kalangan komuniti bandar.
- Ho10: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan pembolehubah sokongan sosial, sokongan fizikal dan penyertaan sosial terhadap kesejahteraan hidup komuniti bandar.

## 1.8 LANDASAN TEORI KAJIAN

### 1.7.1 Teori Sistem Ekologi

Teori Sistem Ekologi oleh Bronfenbrenner (1985) merujuk lima jenis persekitaran yang mempengaruhi kehidupan komuniti bermula dengan ekosistem keluarga, rakan sebaya, sekolah, komuniti dan organisasi yang saling berhubungan (mesosistem) yang mana hubungan saling bergantung ini terbina dalam cakupan mikrosistem hingga meluas dalam konteks makrosistem apabila merangkumi pembolehubah etnik, umur, jantina dan sebagainya. Apa yang pasti, teori ini menyatakan bahawa perkembangan manusia memerlukan sokongan pengaruh persekitaran yang terbentuk dalam sistem ekologi.

Menurut teori ini, setiap entiti dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran sosial, iaitu ekosistem keluarga, rakan sebaya dan komuniti setempat. Setiap ekosistem berhubung antara satu sama lain iaitu merujuk kepada lapisan seterusnya yang dinamakan mesosistem. Lapisan sosial peringkat asas disebut sebagai mikrosistem manakala keseluruhan ekosistem disebut sebagai makrosistem. Lapisan terakhir menurut teori ini ialah dimensi masa (*time dimension*) yang menghuraikan tentang bagaimana pengalaman dalam kehidupan memberi kesan yang besar terhadap cara hidup, cara fikir dan tingkah laku. Nilai-nilai keluarga selalunya diterapkan melalui pendidikan tidak formal melalui teladan dan peniruan yang menjadi pengalaman bermakna sepanjang kanak-kanak mengalami pertumbuhan pada usia dini sebelum mereka mula mengenal rakan-rakan di tadika dan sekolah yang membentuk pola baharu dalam konteks pemikiran dan pengaruh untuk bertingkah laku.

Pada peringkat remaja, anak-anak akan cuba melepaskan kawalan keluarga dan banyak terpengaruh dengan dorongan dan sokongan daripada rakan sebaya. Setiap sistem merupakan rantai yang saling mempengaruhi dalam memberi pengalaman kehidupan yang bermakna dan mewujudkan keharmonian dalam pembinaan masyarakat. Menurut Santrok (2008), makrosistem merujuk kepada amalan, kesedaran, penghayatan dan penyertaan sosial seseorang yang dapat mengembangkan nilai-nilai dalam kehidupan.

### 1.8.2 Teori Modal Sosial

Putnam (1993) menjelaskan bahawa modal sosial amat penting untuk menyatupadukan masyarakat kerana perubahan yang berlaku dalam masyarakat akibat interaksi dan hubungan interpersonal yang berlaku dengan mengembangkan nilai-nilai sepnuya, kepercayaan dan kerjasama. Jalinan dan jaringan yang wujud dalam komuniti menghasilkan pelbagai idea dan perkongsian kemahiran yang dapat membangunkan masyarakat melalui tenaga kerja mahir yang dapat menyumbang kepada inovasi baharu untuk meningkatkan pengeluaran dan memberi pulangan kepada kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti. Beliau menekankan keterikatan sosial dalam kalangan ahli komuniti amat penting untuk kemajuan, keselamatan, kemakmuran, dan kelestarian keharmonian.

Sikap peka dan perihatin dengan sebarang perubahan yang berlaku dan anasir yang wujud dalam masyarakat menjadi benteng untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar lebih berwaspada dengan isu keselamatan dan elemen yang boleh mengganggu gugat ketenteraman. Nilai kolektif dan kerjasama yang diamalkan sebagai budaya yang lestari dapat membentuk masyarakat dan komuniti yang saling membantu dan membina perubahan positif dengan kadar kemenjadian yang lebih cepat sekaligus menjayakan segala dasar dan perubahan dengan cara yang komprehensif. Beliau menjelaskan bahawa jaringan sosial membentuk keterikatan modal sosial dan keterangkuman modal sosial yang membentuk semangat kekitaan. Hubungan yang saksama, perpaduan yang utuh dan semangat untuk berkongsi ilmu dan kepakaran dapat memberi manfaat dan nilai tambah yang jelas kepada kemajuan masyarakat. Interaksi sosial yang berlaku menjadi faktor pendorong kepada penduduk bandar untuk mendapat pengalaman menarik dalam kehidupan mereka serta sedia beradaptasi dengan anggota masyarakat di sekitar kawasannya.

### 1.8.3 Konsep Bandar Sejahtera

Konsep bandar sejahtera menjadi visi setiap Mahlis Perbandaran di Selangor pada masa kini dengan matlamat untuk mewujudkan sebuah bandar *vibrant* yang hidup dengan kegiatan ekonomi (kota niaga) dan nilai-nilai kemanusiaan, bandar yang hijau

iaitu bebas daripada pencemaran dan penuh kesegaran, memiliki daya boleh huni yang tinggi dengan menepati ciri-ciri bandar yang selamar, bandar bestari yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi (*wifi*, paparan maklumat menerusi LED, penggunaan kereta elektrik atau solar yang bebas asap). Kesemuanya terangkum dalam istilah bandar mapan atau bandar yang sejahtera.

Lee Lam Thye (1998) merujuk konsep bandar selamat merupakan kerjasama bersepadu antara badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti ke arah membanteras kegiatan jenayah menerusi rekabentuk persekitaran bandar yang selamat. Isu keselamatan memang menjadi cabaran besar kepada komuniti bandar masakini kerana adanya kumpulan manusia yang sanggup melakukan apa sahaja untuk memenuhi keperluan hidup mereka yang terdesak kerana tekanan hidup dibandar ditambah dengan ilmu dan kemahiran yang rendah. Hal ini telah memberi ruang dan peluang munculnya kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang sebagai jalan singkat memperoleh pendapatan. Keadaan ini meningkatkan ancaman moral dan kadar jenayah yang berlaku dalam persekitaran di kawasan kediaman.


Dalam hal ini rekabentuk bandar selamat melibatkan perumahan berpagar, kawalan keselamatan dan pemasangan CCTV. Bagi menjayakan konsep "*Bandar Selamat*" ia memerlukan penyertaan dan sokongan padu orang ramai. Ini adalah kerana selain penekanan kepada faktor keselamatan, semangat kejiranan yang perlu diamalkan, tanggungjawab menjaga ketenteraman adalah tanggungjawab bersama. Apabila penduduk merasa selamat, maka kehidupan mereka juga menjadi lebih ceria dan gembira. Bandar yang selamat merupakan sebuah bandar yang bebas dari pelbagai ancaman fizikal, sosial dan mental. Ini bermaksud persekitaran yang paling terpelihara, tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian mengganggu-gugat kesejahteraan setempat dan setiap komuniti mesti sentiasa berada di dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera dan aman. Justeru itu setiap ahli komuniti perlu peka dengan persekitaran tempat tinggal mereka.

Burton (2000) menjelaskan bahawa bandar yang sempurna adalah bandar yang dapat menyeimbangkan tahap pembangunan kotemporari dengan pemeliharaan nilai budaya yang penting. Konsep bandar sejahtera direkabentuk secara holistik dengan

menggabungkan integrasi teknologi yang menyediakan konsep bandar digital dengan menyediakan wi fi percuma hinggalah pembangunan insan dan nilai-nilai kemanusiaan. Selain daripada itu, kesegaran alam yang menghidu dapat mengurangkan pencemaran melalui amalan kitar semula.

Peterson, Sham Sani & Mohd Nordin Hasan (1999) berpendapat kesejahteraan sesebuah bandar merangkumi kualiti *endowmen*, sumber manusia, institusi sosial dan struktur ekonomi yang menjadikan setiap penghuninya mendapat peluang untuk meningkatkan kualiti hidup dan berubah ke arah kesejahteraan sebagaimana yang diinginkan manakala Morsidi Sirat (2005) merujuk penyediaan infrastruktur, suasana kehidupan berkualiti, tenaga kerja mahir dan berpendidikan serta penglibatan sektor awam dan swasta untuk menarik pelaburan modal bagi menghasilkan jenama bandar yang berprestij dan berimpak tinggi dilihat ciri-ciri penting yang menghasilkan sebuah bandar sejahtera dan boleh dihuni.

## 1.9 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Sumber : Teori Sistem Ekologi (Bronfrenbrenner 1985), Teori Modal Sosial (Putnam 1993), Teori Kualiti Hidup (Boyer & Savageau 1981), Indeks Kualiti Hidup Malaysia (EPU 1999) & Teori Kesejahteraan Hidup Bandar (Constanza *et.al.*, 2007)

Kerangka konseptual kajian ini menunjukkan empat pembolehubah penting yang dikaji dalam kajian ini iaitu sokongan sosial, sokongan fizikal yang menjadi faktor utama dalam menggerakkan kegiatan komuniti, penyertaan sosial akibat dorongan yang diberikan serta kesejahteraan hidup yang merupakan hasil daripada ketiga-tiga pembolehubah. Kajian ini berlandaskan beberapa teori yang berkaitan dengan ekologi persekitaran yang menyokong kehidupan individu dalam masyarakat. Teori yang dimaksudkan ialah Teori Sistem Ekologi oleh Bronfenbrenner (1985) yang melihat jaringan antara ekosistem (institusi keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat), mesosistem iaitu hubungan antara ekosistem (termasuk juga komuniti maya yang menggunakan media sosial). Persekitaran yang paling rapat dengan kehidupan individu dirujuk sebagai mikrosistem manakala jalinan hubungan yang lebih luas dirujuk sebagai makrosistem yang merentas semua peringkat usia dalam komuniti (kronosistem). Semua elemen-elemen ini menjadi aspek penting yang mendorong dan memberi kesan kepada perubahan tingkahlaku individu dalam sesebuah komuniti.

Selain faktor manusia, kesejahteraan di tempat tinggal (dalam konteks kajian ini ialah bandar) juga didorong oleh sokongan fizikal yang terdapat di kawasan tersebut. Semakin lengkap dan moden struktur fizikal yang ada di kawasan tempat tinggal atau di sesebuah bandar, maka semakin tinggilah kesejahteraan hidup yang boleh dinikmati di kawasan tersebut. Sebuah bandar yang lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti akses pengangkutan awam yang moden dan cepat, kemudahan kesihatan, kemudahan rekreasi, kemudahan *wifi* percuma dan pelbagai lagi akan menjadikan kawasan tempat tinggal atau bandar mempunyai nilai boleh huni yang tinggi dan menjadi faktor tarikan kepada penduduk dan komuniti bandar untuk memenuhi segala keperluan mereka.

Dalam konteks kajian ini, sokongan fizikal merujuk kepada fasiliti dan kemudahan yang ada di kawasan tempat tinggal, kemudahan awam yang dapat diakses dan digunakan untuk manfaat bersama dalam kalangan komuniti, ciri-ciri keselamatan kehidupan yang tinggi seperti adanya kawalan keselamatan, CCTV, rondaan malam oleh persatuan penduduk yang aktif termasuk juga dalam faktor sokongan fizikal ini ialah keceriaan dan kebersihan di tempat tinggal samada di rumah pangsa, rumah teres, bungalow atau rumah kos rendah dari segi keadaan fizikal bangunan yang

sentiasa disenggara dengan baik, dicat baharu, laluan masuk yang bersih dengan landskap yang menarik dan ceria serta adanya kawasan rekreasi serta tempat untuk penduduk bersantai bersama keluarga dan rakan-rakan. Seterusnya, kajian ini turut meninjau kesan daripada dorongan fizikal, sosial dan penyertaan sosial dalam aktiviti komuniti bandar terhadap kesejahteraan diri, sosial, persekitaran, keselamatan, ekonomi. Kesejahteraan komuniti bandar ini adalah merujuk kepada gabungan teori dan model Teori Kualiti Hidup (Boyer & Savageau 1981), Indeks Kualiti Hidup Malaysia (EPU 1999) & Teori Kesejahteraan Hidup Bandar (Constanza et.al, 2007). Kajian ini turut meninjau pembolehubah tersebut berdasarkan jantina, etnik (Cina Melayu Imdia) serta SES yang hanya merujuk kepada tahap pendidikan dan pendapatan.

#### 1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti sejauh mana faktor-faktor yang berkaitan dengan sokongan sosio-fizikal dan penyertaan sosial ke arah kesejahteraan hidup komuniti bandar di kawasan Majlis Perbandaran di negeri Selangor. Aspek-aspek ini sangat penting kerana ianya boleh memberi input-input yang baru dalam membantu perancangan dan pembangunan bandar di kawasan Majlis Perbandaran tersebut sesuai dengan keperluan penduduk samaada dari segi jantina, etnik, budaya dan pelbagai aspek lagi. Selain daripada itu juga, Majlis Perbandaran di negeri Selangor mahu pun di negeri-negeri lain boleh menjadikan input-input dalam kajian ini untuk menambahbaik polisi dan perancangan serta pembangunan bagi menjamin kelestarian kesejahteraan komuniti hidup bandar.

Kajian ini turut mengemukakan solusi melalui kerangka model bandar mapan (lestari) yang menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai teori yang telah dirujuk, keadaan semasa serta konsep bandar futuristik yang ideal bukan sahaja lengkap dengan kemudahan fizikal tetapi juga hubungan sosial (kemesraan dan kejelikitan) dengan keadaan persekitaran yang terpelihara (ceria dan bersih) serta menghijau dan memberikan udara yang segar. Sebagaimana yang telah dinyatakan, kajian-kajian yang ada tentang konsep bandar lebih melihat pembangunan fizikal bandar sebagai kayu ukur yang melambangkan kemajuan dan peradaban namun tidak melihat aspek-aspek

kemanusiaan dan nilai, maka kajian ini di lihat lebih menyeluruh kerana turut melihat hubungan sosial yang berlaku dan kesannya terhadap kehidupan penduduk bandar yang melibatkan kegiatan keilmuan dan intelektual, keperihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi serta kelestarian alam sekitar. Kewujudan hutan simpan yang hijau di tengah-tengah pembangunan bandar, perlu dikekalkan untuk mewujudkan persekitaran yang sihat dan hijau.

Kajian ini juga dapat membantu pihak berkuasa tempatan di seluruh negara bagi membuat perancangan bandar yang tidak melibatkan pembangunan fizikal semata-mata, namun perlu melihat pembangunan bandar secara menyeluruh iaitu mesti mengambilkira aspek-aspek sosial, ekonomi, keselamatan, kesihatan dan pelbagai aspek lagi termasuk juga mengambilkira budaya dan latar belakang etnik setempat. Perancangan seumpama ini sudah tentu dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti bandar yang mempunyai pelbagai keperluan hidup. Selain daripada itu juga, hasil daripada kajian ini banyak memberi input-input sosial dalam komuniti yang amat penting untuk digunapakai dalam aktiviti-aktiviti komuniti yang boleh mewujudkan interaksi sosial yang baik.

Kajian ini boleh dijadikan panduan dalam perancangan bandar mampan ke arah kesejahteraan hidup komuniti bandar dengan mengambilkira daripada kajian literatur yang berkaitan dengan aspek tersebut turut boleh digunakan dalam menambahbaik idea-idea baru dalam perancangan di peringkat Majlis Perbandaran di negeri Selangor. Di antara kajian literatur yang telah dirumuskan juga tentang aspek kesejahteraan bandar dan kehidupan komuniti adalah kajian-kajian yang dijalankan oleh (Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah & Kadaruddin Aiyub (2008) kebolehan dan daya saing bandar (Morsidi Sirat, 2005), konsep dan dasar pelaksanaan bandar sejahtera, bandar selamat dan keselamatan komuniti (Jalaluddin Abdul Malek dan Mohd Asruladly Ibrahim, 2005), indikator bandar yang lestari di negara-negara industri (Katie, 2010), persekitaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti (Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah, 2004), kajian tentang persekitaran bandar selamat (Saravanan Annamalai, 2010). Selain daripada itu juga, kajian ini adalah merupakan kesinambungan dari kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas dan juga turut menyumbang kepada konsep

kesejahteraan hidup komuniti bandar yang lebih menyeluruh daripada pelbagai perspektif.

### 1.11 BATASAN KAJIAN

Batasan-batasan kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian ini terbatas hanya kepada empat konstruk iaitu yang melibatkan faktor pendorong ke arah kehidupan sejahtera iaitu sokongan fizikal yang melibatkan keselesaan kawasan petempatan, kemudahan awam yang moden dan memenuhi keperluan komuniti, bandar yang mengutamakan ciri-ciri keselamatan, keceriaan dan kebersihan serta platform yang sesuai untuk warga bandar menjalani amalan hidup sihat melalui kegiatan rekreasi.
2. Dari segi lokasi kajian, kajian ini hanya memilih enam Majlis Perbandaran di negeri Selangor kerana ianya sesuai dari segi populasi penduduk pelbagai etnik serta pembangunannya adalah sesuai untuk dikaji yang boleh dihubungkan dengan kesejahteraan hidup komuniti bandar. Ini memandangkan kawasan di Majlis Perbandaran tersebut, kemudahan dari segi sosial dan fizikal adalah dikategorikan sebagai bandar yang membangun dan sejahtera. Kajian ini tidak memilih kawasan Majlis Tempatan di Selangor, ini adalah disebabkan populasi dari segi etnik tidak seimbang dan pembangunan yang dilaksanakan adalah tidak menyeluruh dan kurang sesuai untuk dikaitkan dengan kesejahteraan hidup komuniti bandar. Manakala, Majlis bandaraya juga tidak terlibat dalam kajian ini kerana ianya dianggap sebagai kategori bandar yang memenuhi keperluan semua penduduk dan enam kawasan Majlis Perbandaran yang dipilih dalam kajian ini amatlah sesuai untuk memenuhi keperluan kajian.
3. Populasi dan sampel kajian adalah melibatkan etnik Melayu, Cina dan India di kawasan enam Majlis Perbandaran di Selangor iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang). Selain daripada itu juga, aspek jantina dan juga status sosio-ekonomi turut difokuskan

dalam kajian ini. Sampel keseluruhannya yang dipilih adalah seramai 2502 daripada enam Majlis Perbandaran tersebut.

4. Teori dan model yang digunakan dalam kajian ini hanya membataskan kepada Teori Sistem Ekologi (Bronfrenbrenner, 2005) yang melihat pengaruh persekitaran sosial terhadap penyertaan sosial serta kesejahteraan hidup komuniti bandar. Manakala, Teori Modal Budaya (Putnam, 1993) yang lebih menjurus kepada penyertaan sosial komuniti bandar ke arah kesejahteraan hidup dan Teori Kualiti Hidup (Boyer & Savageau, 1981) dan indeks Kualiti Hidup Malaysia (EPU, 1999) turut digunakan. Kesemua teori dan model ini adalah selari dengan konstruk kajian yang diaplikasikan dalam kajian ini.
5. Kajian ini hanya membataskan kepada kaedah kuantitatif dan menggunakan soal selidik dalam pengumpulan data. Kajian ini mempunyai responden yang besar iaitu seramai 2502 yang terdiri dari pelbagai jantina, etnik dan status sosio-ekonomi dari segi pendapatan. Ini adalah amat sesuai untuk membuat generalisasi terhadap dapatan yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup komuniti bandar di kawasan Majlis Perbandaran di negeri Selangor khususnya dan negara secara amnya.

## 1.12 DEFINISI OPERASIONAL

### 1.12.1 Sokongan Sosial

Sokongan sosial yang melibatkan pengalaman interaksi dalam keluarga dan rakan sebaya, serta dalam konteks yang lebih luas dengan masyarakat dan komuniti setempat secara tidak formal dapat membentuk dan membangunkan pola pemikiran untuk menerima keadaan kehidupan di bandar yang dinamik dan mencabar. Selari dengan kehidupan moden yang berintegrasi dengan teknologi masa kini, peranan komuniti maya juga tidak dapat dinafikan turut memberi sokongan kepada kehidupan sejahtera komuniti bandar.

Hubungan dengan rakan-rakan maya melalui medium atas talian dan media sosial memberikan sokongan kepada semangat dan keceriaan kepada setiap individu

dengan rangkaian wifi yang disediakan di kawasan kejiranan atau melalui penggunaan *wifi* peribadi. Pada masa kini, rakan-rakan sosial secara maya lebih ramai berbanding rakan-rakan yang ditemui secara bersemuka. Justeru, kajian ini akan meninjau sokongan sosial berkaitan sokongan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat di kawasan kejiranan dan sokongan rakan-rakan dalam jaringan komuniti maya. Selari dengan perkembangan masa kini dalam era revolusi maklumat masa kini, hubungan jarak jauh menerusi media sosial turut mendekatkan anggota komuniti dan memudahkan pelbagai info disebar.

### 1.12.2 Sokongan Fizikal

Sokongan fizikal melibatkan segala kemudahan asas dan kelengkapan fizikal di bandar yang memberikan keselesaan hidup dan menikmati kehidupan moden dengan memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan di kawasan petempatan, jaringan pengangkutan awam yang efisien, aspek-aspek keselamatan kawasan kejiranan dan tempat bekerja, sistem pembuangan sisa pepejal yang teratur bagi memastikan kebersihan bandar serta landskap yang menarik dan ceria serta adanya kawasan rekreasi untuk beriadah dan mencari ketenangan. Kemudahan fizikal yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran memberikan kehidupan yang selesa dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar jika digunakan untuk kepentingan masyarakat dan dipelihara dengan sebaik-baiknya untuk manfaat bersama. Sokongan fizikal yang difokuskan dalam kajian ini melibatkan kawasan tempat tinggal, kemudahan awam, ciri-ciri keselamatan, keceriaan & kebersihan serta kemudahan kawasan rekreasi untuk bersantai.

### 1.12.3 Penyertaan Sosial

Penyertaan sosial adalah berasaskan kepada Teori Modal Sosial oleh Putnam (1993) yang melihat kepada tingkahlaku atau penyertaan dalam pelbagai aktiviti dalam masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penyertaan sosial dalam kajian adalah menjurus kepada aktiviti bersama rakan sebaya, aktiviti komuniti kejiranan dan tempat kerja, aktiviti sosio budaya dan aktiviti melalui media sosial. Aspek-aspek tersebut adalah berkaitan dengan keterlibatan golongan belia secara

langsung dalam aktiviti sosial, sukarelawan, rekreasi bersama rakan sebaya daripada pelbagai etnik, kejiranan, komuniti sekolah dan interaksi aktif di laman maya. Di samping itu, lebih kepada aktiviti kebudayaan. Penyertaan sosial yang dikaji dalam kajian ini menjurus kepada penyertaan ahli komuniti bandar dalam program keilmuan dan intelektual, keprihatinan sosial, kesukanan dan rekreasi serta aktiviti-aktiviti ke arah menjaga kelestarian alam sekitar.

#### **1.12.4 Kesejahteraan Hidup Komuniti Bandar**

Kesejahteraan hidup komuniti bandar diukur dalam lima konstruk iaitu kesejahteraan diri, kesejahteraan sosial, kesejahteraan persekitaran, kesejahteraan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi. Kesejahteraan diri melibatkan perasaan penduduk tentang kehidupan mereka dalam persekitaran tempat tinggal. Aspek kesejahteraan diri amat penting untuk memberi sumbangan dan khidmat kepada komuniti setempat kerana keadaan ini mempengaruhi kestabilan emosi dan sosial seseorang. Aspek kesejahteraan persekitaran merujuk kepada kemudahan yang disediakan di kawasan tempat tinggal termasuk juga aspek-aspek kebersihan dan keceriaan yang memberikan kedamaian dan keselesaan kepada penduduk. Aspek keselamatan juga menjadi petunjuk penting dalam indeks kesejahteraan penduduk bandar yang membolehkan penduduk bergerak bebas di kawasan tempat tinggal tanpa ada sebarang ketakutan, rasa selamat dengan jiran-jiran yang perihatin dan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan penduduk. Kelima-lima konstruk digunakan sebagai kayu ukur untuk menentukan indeks kesejahteraan hidup komuniti bandar yang boleh diguna pakai oleh pihak-pihak berkepentingan terutamanya pihak berkuasa di Majlis-majlis Perbandaran Negeri Selangor.

#### **1.12.4 Demografi**

##### **1. Jantina**

Kajian ini juga melibatkan responden berdasarkan jantina iaitu lelaki dan perempuan bagi mendapatkan pandangan mereka tentang kesemua konstruk dalam kajian ini kerana ian

ya boleh memberi gambaran yang berbeza dalam kalangan penduduk bandar. Ini amat berbeza dengan aspek jantina bagi penduduk luar bandar yang rata-ratanya tidak bekerja. Selain daripada itu juga, kajian literatur menunjukkan jantina mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam menentukan kesejahteraan hidup komuniti di bandar.

## 2. Etnik

Etnik dalam kajian ini adalah melibatkan etnik Melayu, Cina dan India. Etnik adalah merupakan satu faktor yang sangat penting khususnya bagi melihat aspek-aspek sokongan sosio-fizikal, penyertaan sosial ke arah kesejahteraan hidup komuniti bandar kerana etnik-etnik ini mempunyai budaya dan penempatan yang berbeza dalam kehidupan komuniti bandar. Selain daripada itu juga, pengamalan budaya etnik Melayu, Cina dan India dalam aktiviti kekeluargaan, komuniti setempat turut banyak menyumbang kepada kesejahteraan hidup komuniti bandar. Justeru itu, faktor etnik ini amat penting bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh dalam kajian ini.

## 3. Status Sosio Ekonomi

Status sosio ekonomi bagi komuniti bandar amat perlu dijadikan satu demografi bagi kajian ini di mana kajian-kajian lepas mendapati bahawa golongan yang berpendapatan tinggi mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi. Oleh itu, bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian tersebut atau memperincikan kajian ini turut meninjau aspek pendapatan individu yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu penduduk yang berpendapatan RM1000 - RM3000, diikuti individu yang berpendapatan RM3001 - RM5000 dan kumpulan yang berpendapatan lebih RM5000. Selain daripada itu juga, pendapatan individu ini juga amat penting untuk dijadikan demografi kajian atau pembolehubah bebas dalam kajian ini.

### 1.12 RUMUSAN

Kesejahteraan komuniti itu amat berkait dengan aktiviti-aktiviti yang menghidupkan komuniti itu sendiri dengan memanfaatkan kemudahan yang disediakan serta

penglibatan aktif bersama secara sukarela untuk menggerakkan kegiatan secara bersama-sama dengan memiliki rasa kepunyaan dan saling menghormati antara satu sama lain. Kondisi kemudahan fizikal perlu dipelihara secara bersama-sama dengan mengamalkan sikap perihatin dalam membanteras sebarang unsur vandalisme yang cuba dilakukan atau sebarang ancaman yang boleh mengganggu keselamatan.

Kehidupan sejahtera dapat dirasai apabila setiap anggota komuniti memainkan peranan untuk membentuk jalinan dan jaringan bagi menghidupkan suasana di kawasan kejiranan melalui pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat. Perancangan bandar tidak lagi menjadi bidang pembangunan satu hala yang hanya bergantung kepada pihak kerajaan untuk membangun kawasan dan penduduk yang membeli hanya menerima rumah mereka tetapi juga menuntut komitmen penduduk untuk menjadikan kawasan kediaman selamat, mesra, memiliki daya huni ke arah kelestarian kesejahteraan hidup komuniti bandar.

